

R GB 27-10 00177 BH646

BAH

BANGSA MELAYU SETANDING DENGAN BANGSA MAJU

Ghafar - UMNO

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba mahu orang Melayu menghakis rasa rendah diri kerana mereka sebenarnya setanding dengan bangsa-bangsa maju lain di dunia.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuktikan perkara ini dengan perlantikan beliau sebagai Pengerusi Kumpulan 11 Komanwel pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Harare, Zimbabwe baru-baru ini.

+Bangsa Melayu sebenarnya mempunyai keupayaan. Cuma kita sendiri yang kata kita tidak boleh,+ katanya ketika merasmikan Konvensyen Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

+Mengapa mereka pilih Dr Mahathir dan bukan para pemimpin dunia yang lain,+ katanya dengan disambut tepukan gemuruh oleh kira-kira 300 orang perwakilan.

Sehubungan itu, Encik Ghafar menasihati orang Melayu supaya menghakis rasa rendah diri dan juga sikap negatif lain seperti kerap membuang masa dan membuat fitnah bagi mengejar kemajuan.

Encik Ghafar juga menasihati orang Melayu supaya mengambil berat terhadap kemajuan ilmu dan teknologi bagi melengkapkan diri mereka untuk maju. -- Lagi.

♥27/10/15-29MST

R GB 27-10 00133 BH647

BAH

Ghafar - UMNO 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau juga menasihati masyarakat bandar supaya bersikap lebih terbuka terhadap projek-projek pembangunan seperti rumah pangsa supaya ia boleh dilaksanakan dengan lancar.

Katanya, orang ramai tidak sepatutnya membuat bantahan secara melulu seperti enggan berpindah dari kawasan setinggan kerana projek-projek pembangunan itu perlu dan akan memberi faedah kepada lebih ramai orang.

Encik Ghafar juga kesal kerana langkah kerajaan untuk membuka sekolah bagi digunakan orang awam pada waktu malam tidak mendapat sambutan.

Beliau juga menasihati para graduan supaya tidak berpuas hati dengan ijazah dan diploma, sebaliknya mengembangkan ilmu pengetahuan mereka melalui sekolah malam itu.

Pada majlis itu, beliau juga melancarkan risalah UMNO Wilayah Persekutuan +Suara Wilayah+, yang memuatkan rencana-rencana mengenai pembangunan Wilayah Persekutuan dan isu-isu politik. -- Bernama.

♥27/10/15-30MST